

## NOTIS PEMBERITAHUAN

### **PENYELARASAN CUKAI TANAH KE ATAS TANAH-TANAH YANG TERMASUK DALAM PENGISYTIHARAN PERLUASAN KAWASAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN**

Sukacita menarik perhatian kepada semua pemilik-pemilik tanah yang terlibat, pihak Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan akan membuat penyelarasan kadar bayaran cukai tanah **mulai 01 JANUARI 2017**, ke atas tanah-tanah yang terlibat dan termasuk dalam pengisytiharan perluasan kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Kedudukan tanah-tanah yang telah diisyiharkan termasuk dalam perluasan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan seperti berikut:

Mukim Kianggeh	Kianggeh Berangan Jalan Tasek Lama Mabohai / Tungkadeh Melabau Kumbang Pasang Padang Baru Pusar Ulak Tumasek
Sebahagian Mukim Gadong	Kiulap Kiarong Menglait Batu Bersurat / Pengkalan Gadong Mata-Mata [tidak termasuk Kampung Perpindahan Mata-Mata] Beribi
Sebahagian Mukim Kilanas	Telanai Madewa Tasek Meradun Bunut Perpindahan Bunut

Sebahagian Mukim Berakas A	Pulaie Anggerek Desa Panca Delima Orang Kaya Besar Imas Delima Satu Serusop Jaya Setia Jaya Bakti Burong Pinggai Berakas Kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas
Sebahagian Mukim Berakas B	Manggis I Manggis II Madang Sungai Akar
Sebahagian Mukim Kota Batu	Sungai Lampai / Pintu Malim Kota Batu Pelambayan Subok Belimbing

Kepada pemilik-pemilik tanah yang mana lot-lot tanah mereka termasuk di dalam kawasan perluasan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, dikehendaki hadir ke **Kaunter Bahagian Pendaftaran, Tingkat Bawah, Pejabat Pesuruhjaya Tanah** dengan membawa bersama **Geran Tanah Asal dan Salinan Kad Pintar terkini** untuk dikemaskini terlebih dahulu sebelum pembayaran cukai tahunan dibuat di Kaunter Pembayaran, Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara.

Manakala tanah-tanah yang sedang dan masih digadaikan, pemilik-pemilik tanah yang terlibat hendaklah berurusan ke Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan atau Institusi Kewangan bagi mendapatkan geran-geran tanah asal berkenaan.

Waktu operasi di **Kaunter Bahagian Pendaftaran, Tingkat Bawah, Pejabat Pesuruhjaya Tanah** seperti berikut:

<b>Hari Isnin hingga Khamis &amp; Sabtu</b>  8.00 pagi hingga 11.00 pagi 1.45 petang hingga 3.00 petang
<b>Hari Jumaat, Hari Ahad dan Hari Kelepasan Awam</b>  Tutup

Sekian dimaklumkan dan kerjasama sepenuhnya yang diberikan adalah sangat-sangat dihargai.